

DATE: 25/1/2010

BELASUNGKAWA



GHAZALI bersama Perdana Menteri Kedua, Tun Abdul Razak Hussein.



GHAZALI bersama Putera Norodom Sihanok di Bangkok pada 1983.



GHAZALI ketika menjadi Setiausaha Tetap Kementerian Luar bersama Jeneral Suharto pada lawatan ke Indonesia 1966.

# King Ghaz berbudi pada nusa, rantau Asean

## Sikap tegas, berani bersuara dan mengutamakan kesempurnaan kerja tinggal legasi sukar dicari ganti

**K**ENING GHAZI adalah gelaran yang diberi kepada empunya diri yang nama sebenarnya, Mohd Ghazali Shafie. Bagaikan sinonim dengan gaya dan ketokohnya, panggilan itu terus kekal hingga hari ini buat anak kelahiran Kuala Lipis, Pahang, yang melakar rentetan sejarah peribadi, malah untuk negara tertanda dalam pelbagai peristiwa.

Bukan saja terbabit secara langsung menggubal Rukun Negara, anggota Suruhanjaya Cobbold dalam pembentukan Malaysia, berperanan dalam usaha kerajaan memerangi penganas komunis dan membantu memampatkan semula hubungan diplomatik dengan Indonesia yang pernah tercalar suatu ketika dulu, pemimpin berkaliber ini juga pernah menjadi satu-satunya insan yang terselamat dalam nahas pesawat ringan, Cessna di hutan berhampiran Janda Baik, Pahang pada 10 Januari 1982.

Itulah juga antara peristiwa yang mengekalkan jolokan King Ghaz pada dirinya yang kini bergelar Tun, selain sikapnya yang begitu tegas, berani bersuara, berterus terang dan mengutamakan kesempurnaan dalam apa juga dilaksanakannya.

Bak kata pepatah, hari-mau meninggalkan belang, manusia meninggalkan nama dan itulah yang berlaku kepada bekas Menteri Kabinet Perdana Menteri kedua dan ketiga itu apabila



YANG di-Pertua Negeri Melaka, Tun Khalil Yaakob (kanan) menziarahi jenazah di rumah adik Allahyarham, Datin Yuhanis.

dipanggil Ilahi pada jam 7.45 malam tadi. Ditakdirkan, beliau pergi ketika dalam tidur, selepas menunaikan solat Maghrib di kediamannya di Persiaran Wangsa Baiduri, Subang Jaya.

Pada usia 88 tahun, tokoh penting dalam sejarah negara ini pergi buat selama-lamanya dengan meninggalkan legasi yang tidak ternilai sepanjang berkhidmat dalam perkhidmatan awam, termasuk dilantik memikul tanggungjawab Menteri Dalam Negeri, Menteri Luar dan Menteri Penerangan. Sewajarnya beliau mendapat penghormatan terakhir sebagai seorang negarawan dan pemimpin politik sukar dicari ganti.

Keistimewaan sikapnya itu meletakkan Allahyarham sebagai pemimpin yang akrab dengan Perdana Menteri Ketiga dan dianggap jambatan paling berpengaruh un-

tuk menyampaikan apa saja kepada pemimpin tertinggi negara ketika itu.

Malah dalam Umno pula, Allahyarham dipilih sebagai ahli Majlis Tertinggi Umno selama 13 tahun bermula 1971, seterusnya mendapat kepercayaan ahli parti untuk menjadi Naib Presiden pada 1981 dan bersama rakan seangkatan, **Tan** Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail sebaik penubuhan Lembaga Disiplin Umno pada 2001 hingga sekarang.

Menyingkap sumbangan jasa dan baktinya untuk negara ini, Allahyarham berperanan pada peringkat antarabangsa terutama apabila menjadi perantara untuk mengeratkan semula hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia selepas penubuhan Malaysia yang membawa Singapura, Sabah dan Sarawak sebagai gaga-

sannya pada 1963.

Tentunya kerana ketokohan dan kebijaksanaannya juga Allahyarham yang ketika itu Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri dipilih mengadakan perbincangan sulit di Bangkok pada 23-24 April 1966 dengan Mejar Jeneral Ali Moetopo dari Indonesia, seterusnya dengan Menteri Luar Indonesia, Adam Malik pada 20 April tahun sama hingga termeterai perjanjian perdamaian.

Malah, bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi pula mengangap pendekatan dialog dipelopori Allahyarham selepas peristiwa 13 Mei 1969 terus menjadi pendekatan kepimpinan sekarang kerana ia ternyata dapat menangani permasalahan antara kaum, sekali gus membawa muafakat rakyat negara ini.

### PROFIL

## Tun Mohd Ghazali Shafie

Tempat lahir: Kuala Lipis, Pahang

Tarikh lahir: 22 Mac 1922

• Isteri: Toh Puan Khatijah Abdul Majid (meninggal dunia pada 25 April 2008 pada usia 74 tahun)

• Anak: Bachtiaer, 52 dan Sheriffudin, 46

Pendidikan:

Sekolah Melayu Raub, Pahang (1928)

Sekolah Melayu Kuala Lipis (1929)

Sekolah Melayu Bentong (1930)

Sekolah Melayu Penjum (1931)

Sekolah Inggeris Raub (1932-1939)

Sekolah Clifford, Kuala Lipis (1939-1940)

Raffles College, Singapura (1941)

University College of Wales, Aberystwyth, Wales (1948-1951)

Oxford University, England (1953)

London School of Economics and Political Science, London (1953)

• Kerjaya:

-1941: Anggota Malayan Volunteer Force No.17317

- 1944-1945: Anggota Force 136, South East Asia Command Officer dan Anti-Japanese Resistance Movement

- 1945-1946: Anggota 757 Field Security Section

- 1946-1948: Timbalan Pembantu Pegawai Daerah Lipis

- 1951-1952: Pemangku Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

- 1955: Berkhidmat di Suruhanjaya Tinggi Malaya di London dan Suruhanjaya Tinggi British di New Delhi, India

- 1956: Wakil Tetap di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu

- 1957: Pesuruhjaya Malaya di New Delhi, India, Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Luar

- 1959-1970: Setiausaha Tetap Kementerian Luar

-1961: Pegawai Projek bagi pembentukan Malaysia

- 1962: Anggota Suruhanjaya Cobbold bagi pembentukan Malaysia

- 1969-1971: Anggota Majlis Gerakan Negara dan Majlis Perundangan Kebangsaan

- 1970: Dilantik sebagai Menteri Tugas Khas (Perancangan Ekonomi)

- 1972: Menteri Tugas Khas dan Menteri Penerangan

- 1972-1973: Menteri Tugas Khas

- 1973-1981: Menteri Dalam Negeri

- 1981-1984: Menteri Luar

- 1984: Visiting Profesor, National University of Singapore.

- Februari 1989: Pengerusi Majlis Perunding Ekonomi Kebangsaan (NECC)

-1991: Perunding Kanan Pusat PBB Mengenai Kerjasama Antarabangsa di New York.

- 1998-2000: Profesor Fakulti Sains Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia

• Politik

- 1958-1978: Anggota Jawatankuasa Politik Umno

- 1971-1984: Ahli Majlis Tertinggi Umno

- 1972: Ketua Bahagian Umno Pahang Barat

- 1972-1986: Ahli Parlimen Lipis, Pahang.

-1981: Naib Presiden Umno

- 2001 sehingga kini: Lembaga Disiplin Umno